

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]**
TARIKH : **19.6.2014**
SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan semua agensi Kerajaan termasuk JPM dan Kementerian Pendidikan bagi lawatan kerja rombongan YAB, Timbalan Perdana Menteri ke Melbourne dan Brisbane/Gold Coast, Australia dari 10-18 November 2012, serta senarai penuh delegasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Oktober 2012 telah mempertimbangkan Memorandum daripada Menteri Pelajaran dan bersetuju dengan Lawatan Kerja YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran ke Australia dari 10 hingga 17 November 2012 menggunakan peruntukan sedia ada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada masa itu.

Lawatan kerja YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran terutamanya dalam *World Chinese Economic Forum* telah meningkatkan imej negara dan visibiliti Malaysia di arena antarabangsa khususnya dalam bidang pelaburan dan perdagangan. Selain daripada itu, lawatan kerja tersebut turut membuka ruang untuk mengenal pasti idea-idea dan peluang-peluang kerjasama dalam bidang pendidikan dengan Australia seperti pendidikan khas serta kerjasama sektor awam dan swasta dalam proses penggubalan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025.